

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2002/2003

Februari/Mac 2003

JMK 416– Kajian Perbandingan Genre Kesusasteraan Terpilih

Masa: 3 jam

Sila pastikan kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat bertaip sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Gunakan Buku Jawapan yang disediakan, dan tuliskan angka giliran anda yang betul di atas borang kehadiran & ruang yang disediakan.

Anda perlu menjawab TIGA (3) soalan kesemuanya.

Jawab SATU (1) soalan daripada Bahagian A, dan mana-mana DUA (2) soalan daripada Bahagian B.

Anda dibenarkan membawa pulang kertas soalan ini di akhir tempoh peperiksaan.

...2/-

Pilih dan Jawab **SATU (1)** soalan daripada **Bahagian A** dan mana-mana **DUA (2)** soalan daripada **Bahagian B**:

Bahagian A

1. Berikan **nota** atau **catatan ringkas** tentang setiap perkara berikut:
 - (a) Intisari konsep *genre* yang disarankan oleh Aristotle.
 - (b) Intisari konsep *genre* yang disarankan oleh Wellek dan Warren.
 - (c) Intisari konsep *genre* yang disarankan oleh Andre Jolles.
 - (d) Intisari konsep *genre* yang disarankan oleh M. Khalid-Taib.
 - (e) Minat ahli-ahli Sastera Bandingan terhadap permasalahan *genre*

(100 markah)

2. Berikan **nota** atau **catatan ringkas** tentang setiap perkara berikut (yang berasaskan pendekatan dan penulisan Boris Parnickel) :
 - (a) Kaedah 'puitika sejarahan'
 - (b) Plot 'epik klasik'
 - (c) Plot 'dongeng ajaib'
 - (d) Ciri-ciri 'watak mitos'
 - (e) Ciri-ciri 'watak epik arkaik'

(100 markah)

Bahagian B

3. Berdasarkan bab "*Genre Sastera*" dalam Teori Kesusasteraan oleh Wellek dan Warren dan makalah "*Individu, Masyarakat dan Ideologi dalam Genre Klasik*" oleh M. Khalid-Taib, huraikan tentang "perkembangan beberapa *genre* sastera" dalam konteks masa dan tempat tertentu.

(100 markah)

4. Berdasarkan bab "*Historical Criticism : Theory of Modes*" dalam buku Anatomy of Criticism , Four Essays oleh Northrop Frye, huraikan tentang kaedah teoritis yang disarankan bagi penggolongan *genre* kepada kategori-kategorinya yang kecil dan wira-wira yang terlibat di dalam *genre* berkenaan.

(100 markah)

5. Berpandukan tulisan oleh Francois Jost, Ulrich Weisstein, dan lain-lain yang relevan, bincangkan tentang 'penekanan' serta persamaan / perbezaan di antara pendekatan Sastera Bandingan 'mazhab' Amerika Syarikat (USA) di satu pihak dan pendekatan Sastera Bandingan 'mazhab' Perancis di pihak yang lain.

(100 markah)

- oooOooo -